TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN
SAMBUTAN NOVEMBER BULAN KELUARGA KEBANGSAAN 2026

LOKASI | TARIKH | MASA
SELANGOR INTERNATIONAL TRADE CENTRE (SITC), SHAH ALAM
7 NOVEMBER 2026 (SABTU) | 3.30 PETANG

Kemas kini pada 4 November 2026



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera,

Salam Malaysia MADANI,

Terima kasih kepada pengacara majlis.

[SALUTASI]

PENDAHULUAN DAN PENGHARGAAN

1. *Alhamdullilah*, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya kita dapat meluangkan masa bersama-sama untuk menyemarakkan **Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan 2026 yang dipimpin oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia yang kita hormati, diiringi oleh isteri tersayang, YABhg. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Dato' Dr. Wan Ismail**.

KASIH KELUARGA, JIWA NEGARA: PEMBUDAYAAN LIMA NILAI TERAS "KASIH"

YAB Dato' Seri dan Keluarga MADANI yang dihormati,

2. Sejak Jemaah Menteri menetapkan **bulan November sebagai bulan sambutan keluarga tahunan** pada 3 November 2023, KPWKM sentiasa memastikan ianya memfokuskan institusi keluarga melalui **pembudayaan lima nilai teras KASIH** iaitu **K**asih Sayang, **A**khlak, **S**ihat dan **S**elamat, **I**lmu, dan **H**armoni.

3. Tema **"Kasih Keluarga, Jiwa Negara"** yang diangkat pada tahun ini mengingatkan kita pentingnya institusi keluarga sebagai asas pembentukan masyarakat yang harmoni dan negara yang sejahtera. Inilah pengertian yang ingin kita bawa melalui mesej **"KASIH... Segalanya bermula daripada Keluarga"**.

4. Kasih sayang perlu diterjemahkan dalam cara kita berbicara, meluangkan masa yang berkualiti dan menyelesaikan perselisihan. Hubungan yang dipelihara setiap hari membina

keyakinan ahli keluarga untuk menghadapi cabaran di luar rumah.

5. Saya ingin menggalakkan seluruh keluarga Malaysia untuk membudayakan amalan **"10 Saat Pelukan Keluarga"**, mengikut **keselesaan dan persetujuan** ahli keluarga. Diperkenalkan oleh LPPKN sebagai salah satu kaedah yang memberi kesan emosi mendalam bagi menyemai dan menzahirkan kasih sayang dalam kehidupan seharian antara ibu bapa dan anak-anak, serta suami dan isteri.

6. Sebagai Kementerian peneraju agenda pembangunan keluarga negara, **KPWKM terus memperkukuh institusi keluarga** melalui penggubalan dasar, penyelidikan, pendidikan dan penyediaan perkhidmatan kekeluargaan yang **menyeluruh dan inklusif**.

7. Seiring dengan aspirasi tersebut, **Dasar Kasih Keluarga Negara (DKKN)** telah diluncurkan oleh **YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia pada 14 Februari 2026.** Dasar ini menekankan bahawa keluarga perlu **diperkasa sepanjang kitaran kehidupan,** bermula daripada perkahwinan dan

keibubapaan hinggalah kepada sokongan antara generasi serta penyelesaian konflik secara harmoni.

8. Bagi memantapkan pelaksanaan dasar ini, **Pelan Tindakan Keluarga Negara (PTKN) 2026–2030** menjadi kerangka tindakan bersama yang mengutamakan nilai kekeluargaan, perkongsian hak dan tanggungjawab serta akses kepada sokongan yang bersesuaian dengan keperluan keluarga.

BELANJAWAN MADANI 2027: MENGGAPAI DI LANGIT MENGAKAR DI BUMI

Puan-puan dan tuan-tuan sekalian,

9. Atas keprihatinan YAB Perdana Menteri terhadap pembangunan keluarga dan kesejahteraan masyarakat, Kerajaan melalui Belanjawan 2027 telah memperuntukkan sebanyak **RM4.355 bilion** kepada KPWKM, iaitu **peningkatan sebanyak RM168 juta berbanding tahun sebelumnya.**

10. Daripada jumlah tersebut, hampir **RM3.3 bilion** diperuntukkan untuk bantuan kebajikan bagi memperkukuh jaringan perlindungan sosial dan kesejahteraan golongan yang

memerlukan. Pasangan yang berdepan cabaran kesuburan terus dibantu melalui pelaksanaan **Program Bantuan Rawatan Kesuburan dan Advokasi Infertiliti** (atau singkatannya **BuAI**) oleh LPPKN. Kita menyasarkan **2,000 pasangan** yang layak untuk menerima manfaat bantuan rawatan ini.

11. Sejak pelaksanaannya, Program BuAI telah menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan. Sepanjang tahun 2025, **seramai 82,679 individu** telah menerima manfaat daripada program ini, manakala sebanyak **1,658 kitaran**

rawatan Intrauterine Insemination (IUI) telah dilaksanakan, dengan **184 kes kehamilan direkodkan**.

12. Pencapaian ini menunjukkan kepentingan **pengesanan awal masalah kesuburan dan akses kepada rawatan kesuburan**. Pada masa yang sama, LPPKN turut meningkatkan kesedaran serta memberi penekanan kepada masyarakat tentang penjagaan kesihatan reproduktif dan mendapatkan rawatan daripada pakar yang bertauliah.

13. Selain itu, **perkhidmatan kesejahteraan lelaki** menyasarkan **42,000 individu**. Saya menyeru kaum lelaki untuk mendapatkan maklumat dan perkhidmatan yang bersesuaian bersama-sama dengan pasangan masing-masing dalam membuat keputusan berkaitan kesihatan keluarga.

14. Belanjawan 2027 turut mengumumkan **peluasan pelepasan cukai rawatan perubatan** kepada perkhidmatan penjagaan selepas bersalin, serta peluasan pelepasan penjagaan ibu bapa dan datuk nenek kepada semua perbelanjaan

penjagaan. Langkah rentas Kementerian ini menyokong keluarga sepanjang perjalanan hidup mereka.

SAMBUTAN NOVEMBER BULAN KELUARGA KEBANGSAAN 2026

YAB Dato' Seri dan Keluarga MADANI sekalian,

15. Segala inisiatif dan usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan ini memastikan **kesejahteraan keluarga diutamakan** dalam agenda pembangunan negara. Kejayaan sesuatu inisiatif bukan diukur melalui penyediaan bantuan dan perkhidmatan, tetapi **sejauh mana manfaatnya dapat diakses dan dirasai**

oleh rakyat. Justeru, Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan 2026 merupakan wadah penting yang **mendekatkan perkhidmatan Kerajaan dengan masyarakat**.

16. Sambutan ini telah berlangsung sejak semalam dan sukacita dikongsi sehingga petang ini kita telah mengalu-alukan kehadiran **10,000 pengunjung daripada pelbagai lapisan masyarakat**. Pelbagai aktiviti kekeluargaan di peringkat negeri turut dijalankan sepanjang November bagi menyemarakkan semangat **"Kasih Keluarga, Jiwa Negara"**.

17. Antara pengisian utama sepanjang dua hari ini ialah **Ekspo KASIH** yang disusun **mengikut kitaran kehidupan keluarga** dari fasa sebelum perkahwinan, kesihatan reproduktif, persediaan keibubapaan, perkembangan kanak-kanak serta belia, sokongan keluarga hinggalah ke warga emas.

18. Aktiviti lain termasuk ***KASIH Family Treasure Hunt, Family Healing Area*, permainan keluarga dan pameran perkhidmatan agensi.** Pengunjung juga boleh memanfaatkan **Jualan RAHMAH dan Jualan Agro MADANI** serta bersama-sama

menikmati **Malam Alunan KASIH dan Malam Festival Tari Kreatif**.

19. Saya mengajak semua keluarga meluangkan masa bersama untuk mengambil peluang ini meneroka setiap pengisian yang telah disediakan.

AMALAN MEMBUDAYAKAN TEMPAT KERJA MESRA KELUARGA

YAB Dato' Seri dan Keluarga MADANI sekalian,

20. Kesejahteraan keluarga bukan sahaja bergantung kepada keharmonian hubungan di rumah, malah turut dipengaruhi oleh **persekitaran tempat kerja yang memahami dan menyokong tanggungjawab kekeluargaan.**

21. Menyedari hakikat ini, KPWKM melalui LPPKN telah memperkenalkan inisiatif ***Malaysia Family-Friendly Workplace Index.*** Sebentar lagi kita akan menyaksikan pengumuman pemenang **Anugerah Khas Tempat Kerja Mesra Keluarga bagi Kategori Swasta dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** oleh YAB Perdana Menteri. Kita berharap lebih banyak organisasi,

khususnya sektor swasta akan tampil berganding bahu dengan Kerajaan untuk menjadikan tempat kerja mesra keluarga.

22. Kami juga menyambut baik **peruntukan RM20 juta** bagi menambah baik pusat penjagaan anak di fasiliti Kerajaan serta meningkatkan kelayakan cuti bersalin penjawat awam.

PENUTUP

YAB Dato' Seri dan hadirin sekalian,

23. Sekali lagi saya merakamkan penghargaan kepada LPPKN, seluruh agensi KPWKM, Kerajaan Negeri Selangor, jawatankuasa penganjur, para penyumbang, rakan strategik dan semua pihak yang menjayakan sambutan ini.

24. Penghargaan turut ditujukan kepada ibu bapa, penjaga, datuk, nenek, pendidik, sukarelawan dan majikan yang memainkan peranan penting dalam membentuk ekosistem sokongan kepada keluarga.

25. Akhir kata, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Perdana Menteri atas kesudian menyempurnakan **Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan Tahun 2026**.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.